

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 OGOS 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 25

Penduduk Selangor terima manfaat ECRL

Penduduk Selangor terima manfaat ECRL

Kuala Lumpur: Sebahagian besar penduduk Selangor bakal menerima manfaat daripada pembangunan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), menurut Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Menurutnya, jajaran ECRL melibatkan Selangor iaitu Seksyen C, dibahagikan kepada dua iaitu Seksyen C1 dari Mentakab ke Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak dan Seksyen C2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang melalui Serendah.

"Jajaran ECRL bagi Seksyen C2 adalah sepanjang 74.25 kilometer yang merangkumi empat stesen iaitu Serendah Baru (penumpang dan kargo), Puncak Alam (stesen penumpang), Kapar (stesen penumpang) dan Pelabuhan Klang (penumpang dan kargo)," katanya dalam hantaran terbaharunya di laman sosial Facebook semalam.

Beliau berkata demikian susulan kenyataan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong bahawa laluan ECRL C2 dijangka siap pada 31 Dis, 2027.

Tengku Zafrul berkata beliau turun padang ke Kuala Selangor pada Mei lepas dan antara isu yang



Pada kemuncaknya, dijangkakan sekitar 300,000 penumpang akan menggunakan stesen Puncak Alam"

Tengku Zafrul

dibangkitkan oleh gabungan 25 persatuan penduduk Puncak Alam adalah keperluan untuk mempunyai stesen ECRL di kawasan berkenaan.

"Saya sudah membawa permintaan mereka untuk pertimbangan pihak bertanggungjawab dan alhamdulillah, Puncak Alam bakal mempunyai stesen ECRLnya sendiri," katanya.

Menurut Tengku Zafrul, pemerkasaan pengangkutan awam sudah tentu akan memudahkan penduduk Kuala Selangor.

"Pada kemuncaknya, dijangkakan sekitar 300,000 penumpang akan menggunakan stesen Puncak Alam," katanya sambil memaklumkan bahawa jajaran ECRL tersebut bukan sahaja akan memanfaatkan penduduk Kuala Selangor, malah penduduk kawasan lain di Selangor.



PEMBINAAN rel Jambatan Super Utama Sungai Kuantan bagi kegunaan ECRL di Kampung Padang, Kuantan.